

SUKU abad lalu, seorang pelabur Amerika Syarikat, Jim Rogers meletak kepercayaan bahawa China bakal menjadi kuasa besar ekonomi. Beliau juga percaya orang muda di seluruh dunia perlu bersedia untuk masa depan mereka dengan mempelajari bahasa Mandarin.

Kini, jutawan berusia 69 tahun itu berpeluang mengamalkan apa yang pernah dijangka. Selepas berhijrah ke Singapura lima tahun lalu bersama isterinya Paige Parker, 43, sebelum itu mereka juga sempat ke Hong Kong dan Shanghai dalam proses mencari tempat yang sesuai untuk membesarkan anak-anak.

Anak perempuan mereka Happy, kini sembilan tahun dan Baby Bee, empat

SINGAPURA
tampil
mengangkat
martabat
pendidikan
di pentas
antarabangsa.

Galakan bahasa Mandarin di sekolah-sekolah di Singapura

kesMO 21/9/12
MS 23.

tahun belajar di sekolah awam di Singapura yang menggalakkan penguasaan bahasa Mandarin. Bahasa tersebut merupakan sebahagian daripada warisan etnik Cina dan lebih pragmatik ia membuka peluang ekonomi.

“Singapura mempunyai pendidikan dan penjagaan kesihatan yang terbaik di dunia,” kata Rogers.

Rogers yang juga seorang penulis dan pengulas kewangan ialah ibu bapa Barat yang menyediakan anak-anak mereka berhadapan dengan abad Cina.



HAPPY (tengah) bersama bapanya, Rogers, memilih sistem pendidikan di Singapura untuk masa depan ekonomi anak-anaknya.

Bahasa Inggeris merupakan bahasa utama sistem pendidikan di Singapura, bekas tanah jajahan British, tetapi pelajar-pelajar di sekolah-sekolah awam tetap diperlukan mempelajari bahasa kedua. Bahasa Mandarin merupakan bahasa mandatori bagi majoriti etnik Cina dan pilihan untuk selebihnya.

Bagi ibu bapa dari negara asing yang bukan ekspatriat dan tidak mampu menghantar anak-anak ke sekolah antarabangsa di Singapura, mereka memilih sekolah awam.

Bagi lelaki kaya seperti Rogers yang mengasaskan Quantum Fund bersama pelabur legenda, George Soros, kini mengendalikan firma sendiri di luar Singapura, menghantar anak-anaknya ke sekolah-sekolah awam adalah satu pilihan.

Dia dan isterinya juga mengupah seorang pengasuh dari China untuk memastikan gadis-gadis terus bertutur dalam bahasa Mandarin di rumah.

Emmanuelle Bizard, 32, ekspatriat dari Perancis yang berpindah ke Singapura pada bulan Ogos 2011, mendaftar empat anak lakinya di sekolah awam untuk membantu mereka mudah berintegrasi dalam masyarakat Singapura selain yu-

ran sekolah yang rendah.

Kekecewaan beliau terhadap sekolah awam ialah kekurangan sesi maklum balas bersama ibu bapa.

“Di Perancis, kita boleh bertemu dengan guru dan anak dengan mudah, walaupun setiap hari jika kita mahu, jadi kita mempunyai banyak maklum balas. Tetapi di sini, kita semuanya berdasarkan markah dan sesi maklum balas diadakan hanya setiap semester,” tambah beliau.

Sekolah-sekolah awam Singapura terkenal dalam menghasilkan pelajar yang cemerlang dalam pertandingan matematik dan sains. Singapura menduduki tempat ketujuh daripada 100 buah negara yang mengambil bahagian dalam pertandingan tahunan matematik pelajar sekolah menengah yang diadakan di Argentina pada bulan Julai.

Ekspatriat kelahiran Amerika, Rachel Kraut, 49, memindahkan empat orang anaknya daripada sekolah awam ke sekolah Jerman di Singapura selepas beberapa pengalaman yang kurang menyenangkan.

“Masalah utama ialah sikap dan kaedah pengajaran yang berasaskan keseimbangan,” kata Kraut, seorang profesor madya di Sekolah Sains Biologi, Universiti Teknologi Nanyang yang berkahwin dengan wanita Jerman.